

Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri JIMK
Journal of Islam and Contemporary Society

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[SA'ID HAWWA'S WRITING METHOD ON ISLAMIC FAMILY
THROUGH HIS WORK QAWANIN AL-BAYT AL-MUSLIM]**

**METOD PENULISAN SA'ID HAWWA BERHUBUNG KEKELUARGAAN
ISLAM MENERUSI KARYANYA QAWANIN AL-BAYT AL-MUSLIM**

WAN MOHD YUSOF WAN CHIK^{1*}
ABDUL WAHAB ALI¹
ENGKU AHMAD ZAKI ENGKU ALWI¹
ABDULLAH ALQARI MOHD ZABUDIN¹
LATEEFAH KASAMASU¹

¹Fakulti Kontemporari Pengajian Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia.

*Corresponding author: drkuzaki@unisza.edu.my

Received Date: 9 Januari 2018 • Accepted Date: 9 Mei 2018

Abstract

Islam is a religion that put family well-being as one of its priorities. The discourse regarding attitudes and laws in family has long been explained in great length in Islamic familial literatures. However, the focus of the discourse usually inclines towards juridical aspect and general values. It is quite uncommon to find a writing that is authored in policy form which can be utilised as a guideline by the family. Sa'id Hawwa is a prominent Muslim preachers who was famous for his methodological approach in writing about familial matters. This study aims to run a content analysis on Sa'id Hawwa's methodological writing in his Qawanin al-Bayt al-Muslim. This qualitative study utilises inductive, deductive and comparative method. This study finds that Sa'id Hawwa's approach very relevant to be applied in other writings on family. This is because he uses relax writing style, simple phrasings, avoiding denominational issues and moderate stand when discussing Sufism and denominational indifferences. Said Hawwa also explains using examples and he offers solutions besides using a narrative approach of storytelling based on his own experience. Not only is this approach proper with the need of the today's society, it should be considered as a guideline for modern preachers in addressing the people they call.

Keywords: Methods of writing, Islamic Family, Sa'id Hawwa, Qawanin al-Bayt al-Muslim

Abstrak

Islam adalah sebuah agama yang sangat mementingkan kesejahteraan keluarga. Perbahasan berhubung tata tertib dan undang-undang dalam sebuah keluarga telah dibahaskan dengan panjang lebar dalam kitab-kitab kekeluargaan Islam. Tumpuan perbahasan biasanya menjurus kepada aspek hukum dan nilai-nilai umum. Jarang sekali ia disusun dalam bentuk perlombagaan ataupun polisi yang boleh dijadikan satu garis panduan sesebuah keluarga. Antara tokoh pendakwah Islam yang terkenal dengan keberkesanan metod dalam penulisan berhubung kekeluargaan ialah Said

Hawwa. Justeru kajian ini akan membuat analisis kandungan terhadap metode penulisan beliau menerusi bukunya *Qawanin al-Bayt al-Muslim*. Kajian bersifat kualitatif ini menggunakan metode induktif, deduktif serta komparatif. Hasilnya, kajian mendapatkan metode yang digunakan Saad Hawwa ini sangat relevan untuk diaplikasikan dalam penulisan kekeluargaan yang lain. Penulisan beliau yang mudah, ringkas serta padat bukan sahaja dilihat menepati kehendak masyarakat sekarang bahkan ia boleh dijadikan panduan kepada para pendakwah moden dalam berhadapan dengan mad'u mereka.

Kata kunci: Metode Penulisan, Kekeluargaan Islam, Sa‘id Hawwa, *Qawanin al-Bayt al-Muslim*.

Cite as: Wan Mohd Yusof Wan Chik, Abdul Wahab Ali, Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, Abdullah Alqari Mohd Zabudin & Lateefah Kasamasu. 2018. Metode Penulisan Sa‘id Hawwa Berhubung Kekeluargaan Islam Menerusi Karyanya *Qawanin al-Bayt al-Muslim*. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 17(1): 61-70

PENGENALAN

Islam menggariskan satu sistem yang komprehensif dan tersendiri untuk dinikmati secara bersama oleh masyarakat. Setiap urusan kehidupan manusia diletakkan berdasarkan garis panduan yang bersifat universal dengan cara pengaplikasian yang agak fleksibel. Kejayaan mempraktikkan dan menghayati garis panduan ini, mampu menjadikan seseorang individu mahupun komuniti mencapai kesejahteraan dan kesempurnaan dalam hidup. Sebaliknya orang-orang yang membelaikan aturan ini akan hidup dalam kesempitan dan kesengsaraan sebagaimana yang disebutkan oleh Allah SWT dalam surah Taha ayat 124 yang bermaksud: "Barang siapa yang berpaling daripada mengingatiku, maka baginya kehidupan yang sempit."

Antara sudut kehidupan yang dititikberatkan Islam adalah pembentukan sebuah keluarga Muslim. Perbahasan berhubung perkara ini telah dibahaskan dengan panjang lebar dalam kitab-kitab kekeluargaan Islam. Begitupun, penulisan-penulisan tersebut dilihat agak jauh daripada realiti kehidupan masyarakat Islam kontemporari. Sebagai contoh kitab kekeluargaan karangan al-Za‘balawi (1985), al-Nahlawi (1986), Suwayd (1988), Sayyid Ahmad Faraj (2000), ‘Uqlah (2010), dan Muhammad Husayn ‘Ughbi (2010), al-Sha‘rawi (tth), al-Zuhayli (tth). Masyarakat sekarang memerlukan sebuah penulisan yang menepati kehendak masyarakat dengan contoh-contoh semasa yang lebih dekat dengan masyarakat. Justeru dalam penulisan ini, pengkaji akan cuba meneliti metode penulisan yang digunakan seorang tokoh ilmuwan tarbiyyah yang terkenal iaitu Sa‘id Hawwa dalam buku *Qawanin al-Bayt al-Muslim*.

SA‘ID HAWWA DAN BUKU QAWANIN AL-BAYT AL-MUSLIM

Menurut al-Aqil (2003), nama lengkap Sa‘id Hawwa ialah Said bin Muhammad Dib Hawwa. Lahir tahun 1935 di kota Hamah, Syria. Dalam usia 2 tahun, ibunya meninggal dunia lalu diasuh di bawah bimbingan ayahnya serta menetap di rumah neneknya. Ayahnya seorang pejuang yang terlibat dalam perjuangan menentang penjajah Perancis. Beliau berguru dengan beberapa tokoh ulama terkenal Syria seperti Sheikh Muhammad al-Hamid, Sheikh Muhammad al-Hashimi, Sheikh Abdul Wahab Dabas, Sheikh Abdul Karim Arrifa’i, Sheikh Ahmad al-Murad dan Sheikh Muhammad Ali Murad. Sa‘id Hawwa juga belajar dengan Mustafa al-Siba’i, Mustafa

al-Zarqa, Fauzi Faidhullah dan lain-lain.

Pada tahun 1952, beliau terlibat dengan Ikhwanul Muslimin ketika masih bergelar pelajar. Pada tahun 1961, beliau lulus dari Universiti Syria dan mengikuti khidmat ketenteraan wajib pada tahun 1963. Beliau berumah tangga pada tahun 1964 dan dikurniakan empat orang anak. Beliau pernah dipenjarakan selama lima tahun dan telah berjaya menulis tafsir al-Asas fi al-Tafsir dan sejumlah buku dakwah lain. Beliau memimpin Ikhwanul Muslimin di peringkat nasional dan antarabangsa serta berperanan aktif dalam aktiviti dakwah, politik dan jihad. (Al-Aqil, 2003).

Sa'id Hawwa memiliki bakat besar dalam bidang pendidikan. Beliau bekerja sebagai pengajar di luar Syria seperti mengajar di Arab Saudi selama lima tahun, kota Al-Hufuf wilayah al Ihsa selama dua tahun dan Madinah al-Munawwarah selama tiga tahun. Sa'id Hawwa memiliki karya berkisar dakwah dan gerakan, yang diminati para pemuda Muslim di negeri-negeri Arab dan Islam. Sebahagian besar karya tulisannya diterjemahkan ke bahasa lain. Antara karangan yang telah diterbitkan Allah Jalla Jalaluhu, Ar-Rasul Sallallahu Alaihi Wassalam, Al-Islam, Al-Asas fi al-Tafsir, Tarbiyatuna Al-Ruhiyah, dan Jundullah Tsaqafatan wa Akhlaqan. (Muhammad Sa'id Hawwa dan Mu'az Said Hawwa, 2010).

Qawanin al-Bayt al-Muslim merupakan antara risalah kecil tulisan Said Hawwa. Ia sebenarnya merupakan salah satu daripada sebelas siri risalah dalam buku 'Kai La Namdhi Ba'idan 'An Ihtiyajat al-Ashr' (Agar Kita Tidak Berada Jauh Daripada Keperluan Semasa). Kitab ini diterbitkan dalam beberapa versi tetapi versi yang menjadi rujukan utama pengkaji ialah versi terbitan Muassasah al-Khalij al-'Arabi, Kaherah pada tahun 1988.

Sa'id Hawwa dalam buku Qawanin al-Bayt al-Muslim menggunakan kalimah 'al-qawanin iaitu kata nama jamak (plural) bagi kalimah 'al-qanun' yang bermaksud kanun atau undang-undang. Dewan Bahasa dan Pustaka (2015) mendefinisikan istilah undang-undang boleh merujuk kepada suatu peraturan yang digubal oleh kerajaan atau institusi tertentu yang mana setiap ahlinya perlu patuh terhadapnya. Jika undang-undang dilanggar, mereka akan dikenakan hukuman. Jikalau diperhatikan kepada perbahasan pokok dalam buku ini, Sa'id Hawwa lebih menekankan aspek adab dan disiplin atau tatatertib yang ditegakkan dalam sesebuah keluarga dan bukannya aspek undang-undang yang digubal sebagaimana definisi menurut Dewan Bahasa dan Pustaka.

Secara kesimpulannya dapat difahami bahawa al-qawanin atau undang-undang yang dimaksudkan boleh merujuk kepada suatu disiplin, adab, peraturan, tindakan atau hukum yang dikenakan ke atas sesuatu untuk menjadikan perkara tersebut lebih baik dan sempurna. Dalam konteks kajian ini, ia lebih merujuk kepada disiplin dan adab yang digagaskan oleh Sa'id Hawwa untuk diterapkan dalam kehidupan berkeluarga umat Islam. Justeru, kitab ini membahaskan tentang sembilan tatatertib atau disiplin dalam pembinaan sebuah keluarga Muslim yang sempurna iaitu:

- i. Kebersihan dan kesucian.
- ii. Menjaga susunan dan tertib serta teratur di rumah.
- iii. Rendahkan suara, jaga rahsia dan tidak mengganggu.
- iv. Ilmu dan ibadat.
- v. Kesederhanaan keluarga.
- vi. Menjaga hubungan dan adab bermuamalah.

- viii. Menjaga kesihatan dan bersenam.
- ix. Menjaga rumah dan keluarga daripada perkara yang merosakkan, mengelirukan, haram dan makruh.
- x. Berlaku baik kepada jiran, tetamu dan menjaga hubungan kerabat.

METOD PENULISAN SA‘ID HAWWA DALAM BUKU QAWANIN AL-BAYT AL-MUSLIM

Berdasarkan penelitian pengkaji, buku Qawanin al-Bayt al-Muslim mempunyai beberapa keistimewaan yang tersendiri dari segi metode penulisannya. Antara metode yang digunakan Sa‘id Hawwa adalah:

- a. Menyatakan perkara-perkara yang utama sahaja

Sa‘id Hawwa hanya menuliskan perkara-perkara yang utama dan perlu sahaja dalam buku ini. Kebanyakan penerangan beliau dibuat dalam bentuk fakta-fakta penting atau dalam bentuk nombor. Sebagai contoh, (hal. 64) ketika menyenaraikan tataterib yang perlu diikuti oleh seorang wanita ketika dikunjungi tetamu di rumah. Sa‘id Hawwa menyenaraikan satu persatu dalam bentuk nombor sehingga perkara yang sukar dan terperinci menjadi perkara yang praktikal dan mudah untuk difahami. Metode yang sama juga digunakan pada halaman-halaman yang lain. (hal. 50, 54, 57, dan 60).

Sa‘id Hawwa (hal. 47) menyatakan bahawa penulisan yang menyentuh soal kekeluargaan Islam telah ditulis dalam pelbagai genre. Begitu juga penulisan berhubung matlamat dan prinsipnya, namun penulisan yang memfokuskan betul-betul terhadap perkara-perkara utama yang perlu dititikberatkan dalam keluarga adalah amat sedikit.

Hal ini terbukti kebenarannya kerana berdasarkan kajian kepustakaan yang dilakukan pengkaji, kebanyakan penulisan ulama Islam berhubung hal-hal kekeluargaan seperti kitab karangan Suwayd (1988), Nasih ‘Ulwan (2008), ‘Uqlah (2010) dan adalah bersifat umum serta meliputi segenap aspek dalam keluarga bukannya menjurus kepada perkara yang menjadi keperluan dan keutamaan. Penulisan yang ringkas sebegini dilihat sangat praktikal dengan umat Islam generasi moden yang dilihat memiliki ciri-ciri yang sama iaitu bersifat interaktif dan inginkan sesuatu secara pantas.

- b. Menggunakan laras bahasa yang mudah

Sa‘id Hawwa menggunakan laras bahasa yang mudah tetapi menepati maksud dan matlamat yang diinginkan. Jikalau diperhalusi satu persatu, bermula daripada permulaan sehingga penutup buku ini, beliau mengekalkan penulisannya yang santai dan ringkas seolah-olah seorang ayah sedang menasihati anaknya. Kata-katanya tidak meleret-leret sebagaimana penulisan kebanyakan kitab-kitab berbahasa Arab yang lain. Sebagai contoh (hal. 47), ketika menekankan adab keluar dan masuk rumah, beliau terus memulakan perbahasannya dengan menulis, “Perkara pertama yang perlu diambil perhatian oleh setiap Muslim dan Muslimah ketika masuk dan keluar rumah ialah menghidupkan sunnah masuk dan keluar. Antaranya ialah berdoa, mendahulukan salah satu kaki, dan mengucapkan salam ke atas ahli keluarga.”

Penggunaan metode sebegini diperakui sendiri oleh kedua-dua anak beliau iaitu Muhammad Sa‘id Hawwa dan Mu‘az Sa‘id Hawwa (2010) yang menyatakan bahawa ayah mereka tidak pernah membebankan dirinya dalam menuliskan sesuatu. Maksudnya beliau menulis seperti sedang berbicara dengan para pembaca. Beliau tidak suka mengulang semula perbahasan tentang pemikiran-pemikiran orang terdahulu. Boleh jadi beliau memasukkan sedikit perbahasan berhubung pemikiran sekadar untuk menjelaskan beberapa perkara tetapi fokusnya terhadap pandangan-pandangan baru yang boleh dimanfaatkan bersama.

c.Penekanan terhadap dalil al-Quran serta hadis-hadis yang bertaraf sahih dan hasan

Dalam sembilan elemen yang dibahaskan Said Hawwa, lima daripadanya dimulakan dengan ayat al-Quran dan hadis yang menyokong topik tersebut. Sementara dalam topik yang lain, ayat al-Quran dan hadis berada dalam perenggan yang kedua atau ketiga. Ini sudah cukup bagi membuktikan kecenderungan penulis untuk mengikat setiap hujahnya dengan nas-nas syarak sebelum memulakan sesuatu perbahasan.

Menurut Mu‘ammad Sa‘id Hawwa dan Mu‘az Sa‘id Hawwa (2010), uslub dan teknik penulisan ayah mereka berbeza mengikut kitab yang dituliskan. Sekiranya penulisan itu membahaskan tentang dakwah dan amal Islami, tumpuan lebih diberikan kepada buah-buah fikiran, cadangan, situasi semasa dan perancangan strategi. Beliau akan menyertakan dalil al-Quran dan hadis sahih mahupun hasan namun tidak akan memberikan huraian terperinci terhadap dalil-dalil yang dikemukakan berbeza dengan metode penulisan kitab-kitab yang ilmiah beliau yang lain seperti kitab al-Asas fi Tafsir (2003).

Sa‘id Hawwa juga dilihat hanya menggunakan hadis sahih dan hasan dalam penulisan ini. Walaupun tidak dinyatakan sebarang alasan berhubung penggunaan metod sedemikian di sini, dalam penulisannya yang lain seperti *al-Mustakhlas fi Tazkiyah al-Anfus* (1988) yang merupakan sebuah ringkasan daripada kitab *Ihya’ Ulumiddin*, pendekatan yang sama turut diambil iaitu dengan mengambil hadis sahih dan hasan sahaja daripada kitab *Ihya’ Ulumiddin* serta meninggalkan hadis dhaif dan hadis yang dihukumkan sebagai ‘*lam ajid lahu aslan*’ (tiada aku dapati asal baginya) menurut al-Iraqi.

Dalam muqadimah kitab al-Mustakhlas (1988) beliau menulis, “Apa yang telah aku pilih ini, aku keluarkan daripadanya (kitab *Ihya*) apa yang boleh membawa kepada perdebatan dan perselisihan...aku keluarkan daripadanya, hadis dhaif serta perbahasan mengenainya dengan tidak mengatakan bahawa hadis dhaif adalah termasuk dalam hadis mawdu’ (palsu) bahkan boleh diiktimal ia merupakan sebahagian daripada kata-kata Nabi SAW.” Ia jelas menggambarkan sifat tawaduk beliau dengan ilmunya serta sikap menghormati ulama-ulama terdahulu yang mungkin tidak sejalan dengannya.

Kesimpulannya, jelas di sini bahawa Sa‘id Hawwa seorang pendakwah yang bijak. Beliau sentiasa mengambil pendekatan selamat agar tidak mengelirukan pembaca yang kebanyakannya orang awam dalam ilmu serta sentiasa menjauhi perdebatan dan perbahasan dalam perkara-perkara khilaf yang boleh merugikan dakwah Islam

d. Bersederhana dalam berinteraksi dalam mazhab fiqh

Ketika membahaskan tentang penyakit was-was dan penyakit ‘suka ambil mudah’ dalam persoalan kebersihan dan kesucian (hal.12), beliau mencadangkan agar orang yang was-was diperkenalkan dengan rukhsah-ruksah dalam ibadat manakala orang yang suka mengambil mudah diperkenalkan dengan dalil syarak tentang keperluan teliti (al-tashdid) dalam bab bersuci.

Sa‘id Hawwa mendatangkan beberapa rukhsah dalam mazhab Maliki, Hanafi dan Shafi’i. Contohnya orang yang selalu was-was dengan kesucian pakaianya setiap kali solat, boleh mengambil pandangan yang kuat dalam mazhab Maliki iaitu suci daripada najis pada pakaian, tubuh, dan tempat adalah sunat bukannya wajib. Dalam mazhab Hanafi, tali ampaian yang terkena najis jika dalam keadaan kering serta melekat pula najis pada pakaian, pakaian tadi tidak dikira bernajis. Dalam mazhab Shafi’i, air yang mengalir ke atas najis hukmi seperti air kencing yang telah kering, air itu dikira suci.

Hal ini bukanlah bererti Sa‘id Hawwa tidak menganjurkan kita berpegang kepada satu-satu mazhab fiqh atau suka bermudah-mudah dalam mengerjakan sesuatu ibadat. Beliau hanya mencadangkan rukhsah-ruksah dalam ibadat dengan mengambil hukum yang paling mudah mengikut mazhab untuk orang yang terdesak seperti was-was sehingga boleh menjelaskan ibadat. Beliau tidak mencadangkan perkara yang sama terhadap orang yang suka mengambil mudah dalam hal penjagaan kesucian bahkan menyuruh mereka mempelajari dalil-dalil supaya lebih teliti dalam ibadat.

Sa‘id Hawwa sendiri sangat menekankan pembelajaran dalam fiqh mazhab. Dalam Ghazu al-‘Ubudiyyah (1987), ketika menerangkan tentang syarat-syarat seorang pendakwah, Sa‘id Hawwa menyatakan antara kitab yang perlu dihadam oleh seorang pendakwah ialah kitab fiqh mengikut mazhab. Sa‘id Hawwa sendiri mengajarkan ahli keluarganya kitab fiqh mazhab Hanafi ketika berada di rumah. (Muhammad Sa‘id Hawwa dan Mu‘az Said Hawwa, 2010)

e. Bersederhana dalam berinteraksi dalam persoalan adab dan tasawuf

Dalam bab adab dan tasawuf (hal. 15), beliau menyentuh soal hak-hak yang perlu dijaga dalam menjaga kekemasan rumah. Menurut beliau, para fuqaha Islam tidak hanya meletakkan hak sesuatu perkara untuk kekal dalam keadaan tersusun sahaja. Bahkan dalam penyusunan itu pula ada hak-hak di dalamnya. Contohnya, mereka menjadikan buku-buku bahasa Arab disusun di bawah buku-buku Shariah manakala buku-buku Shariah pula di bawah al-Quran atau tafsir.

Mereka bukan sahaja menyusun buku sebaliknya meletakkan hak-hak pada setiap buku tersebut. Di sini jelas unsur adab dan ketinggian tasawuf beliau.

Secara umumnya, Sa‘id Hawwa tidak menzahirkan mana-mana aliran tasawufnya dalam buku ini. Begitu juga dalam buku-bukunya yang lain. Walaupun begitu ia tidak menafikan kedudukan Sa‘id Hawwa sebagai tokoh sufi yang disegani. Kenyataan ini disokong Aqil (2003) yang mengakui bahawa pengaruh kesufian lebih mendominasi dalam kehidupan dan penulisan beliau. Salah satu karyanya yang membahaskan tentang tasawuf ialah Tarbiyatuna al-Ruhiyah. Kelebihan buku ini bukan sekadar berbicara tentang tasawuf yang pasif tapi tasawuf untuk membangkitkan jiwa supaya membangun masyarakat yang berjiwa kukuh dan bersih.

Muhammad Sa‘id Hawwa dan Mu‘az Sa‘id Hawwa (2010) menyatakan bahawa ayahnya berbaiah dengan tarikat Shaziliah. Septiawadi (2014) mengukuhkan lagi pernyataan ini dengan mengatakan bahawa dalam kitab beliau yang lain seperti al-Asas fi al-Tafsir (2003), beliau tidak menzahirkan pandangan tasawuf yang diikutinya. Menurutnya lagi, apabila membahaskan ayat-ayat al-Quran yang menyentuh persoalan-persoalan fiqh dan tasawuf, Sa‘id Hawwa menerima pandangan yang sejalan dengan pemikirannya dan tidak terpengaruh kepada satu pandangan dalam mazhab fiqh atau mana-mana aliran tasawuf.

Sa‘id Hawwa juga akan mengemukakan pelbagai pendapat sebagai perbandingan. Terkadang beliau secara implisit mengulas pandangan yang sama dengan pendapatnya. Kalaupun ia tidak berpegang dengan sesuatu pendapat, beliau tidak menyatakan ketidak setujuannya dengan aliran tertentu yang bertentangan tetapi menyatakan ada beberapa pendapat yang tidak beliau ikuti. Kesimpulannya, Sa‘id Hawwa amat teliti dalam menghukum sesuatu pandangan, tidak berpegang kepada satu aliran dan tidak mahu berdebat mengenai masalah-masalah perbezaan aliran sama ada tasawuf mahupun fiqh.

f. Menyenaraikan contoh dan cadangan yang terperinci bagi setiap topik

Pada setiap perbahasan, beliau akan memberikan contoh kesilapan yang berlaku dalam keluarga kemudian disusuli dengan cadangan-cadangan bernas tentang apa yang sepatutnya dilakukan oleh sebuah keluarga Muslim. Beliau tidak mengkritik semata-mata kepincangan yang terjadi di dalam masyarakat dan keluarga tetapi memberikan jalan keluar. Inilah ciri-ciri seorang murabbi yang sebenar iaitu dakwah dengan cara mendidik bukan menghukum.

Sebagai contoh (hal. 31), beliau menyatakan beberapa pembaziran yang dilakukan dalam keluarga seperti perbuatan mengumpul koleksi pakaian dan barang yang bukan keperluan, membeli perabot yang bukan keperluan, serta membawa masuk barang-barang yang bukan keperluan di dalam rumah. Kemudian beliau menganjurkan beberapa perkara seperti bersifat sederhana, jangan membeli sesuatu barang melainkan apabila benar-benar memerlukannya, dan jangan membandingkan keperluan orang lain seperti jiran-jiran dengan keperluan sendiri.

Beliau juga mencadangkan penjimatan terhadap barang-barang di dalam rumah seperti lampu dan paip hanya dibuka jika perlu, makanan berlebihan jangan dibuang kecuali untuk makanan haiwan, ahli keluarga perlu saling mengingati dengan penuh kelembutan, dan menyelenggarakan pakaian, alas meja, langsir, serta peralatan dapur dengan baik agar usia penggunaannya lebih panjang

g. Menggunakan teknik bercerita

Sa‘id Hawwa banyak menggunakan teknik bercerita dalam mengajak pembaca memahami tatatertib dalam keluarga. Dalam bab menjaga kekemasan, keteraturan dan ketertiban (hal.13), beliau menceritakan pengalaman dirinya bersama para guru ketika di rumah mereka. Katanya, “Lazimnya tidak kira pada waktu malam mahupun siang, kami dapatti mereka sentiasa berada dalam keadaan yang terbaik. Setiap sesuatu di sisi mereka berada dalam keadaan kemas dan teratur. Mereka seumpama tentera yang sentiasa bersedia dan bersiap siaga untuk menunaikan kewajipan.”

Dalam bab pengstrukturkan ilmu dan ibadah (hal. 26), beliau mencadangkan agar diwujudkan pembacaan kitab al-Shama'il pada bulan kelahiran Nabi SAW. Bagi mengukuhkan hujahnya beliau menceritakan kisah temannya yang mengupah seseorang bagi mengajarkan kitab sirah dan Shama'il selepas selesai solat khusus pada bulan kelahiran Nabi SAW.

Menurut Abbas al-Sisi (2007), teknik penceritaan dalam menyampaikan sesuatu pandangan ini merupakan suatu usul yang sangat berkesan bagi seorang pendakwah. Ia menyebabkan pembaca merasakan apa yang ditulis itu menjadi lebih hampir dengan diri mereka. Ia juga menjelaskan bahawa apa yang dianjurkan oleh seseorang penulis itu bukan hanya teori semata-mata bahkan ia telah diaplikasikan dalam kehidupan mereka.

h. Menulis berdasarkan pengalaman

Penulisan berdasarkan pengalaman merupakan asas penting yang digunakan Said Hawwa dalam buku ini. Ia boleh dilihat dalam contoh-contoh yang digunakan Said Hawwa dalam setiap bab seperti 12, 13, 15, 31, dan 47. Metode ini menjadikan apa yang disebutkan di dalam buku ini bukan sekadar teori sebaliknya ia suatu realiti yang sudah terbukti keberkesanannya. Menurut Mu'lammad Sa'id Hawwa dan Mu'az Sa'id Hawwa (2010), ayah mereka telah mengajarkan adab dan disiplin tertentu dalam keluarga mereka. Disiplin itulah yang mereka lakukan setiap hari. Kemudian ayahnya telah menulis sebuah buku berdasarkan apa yang telah diajarkan dan dipraktikkan dalam keluarga yang dinamakan *Qawanin al-Bayt al-Muslim*.

PENUTUP

Kajian mendapati metode yang digunakan Sa'id Hawwa dalam penulisannya berhubung kekeluargaan Islam ini sangat relevan untuk diaplikasikan dalam penulisan kekeluargaan yang lain. Penulisan beliau yang mudah, bahasa yang ringkas, menjauhi masalah khilafiyah, bersederhana dalam menyikapi mazhab fiqh dan tasawuf, mengemukakan contoh dan cadangan, menyelitkan teknik bercerita serta menulis berdasarkan pengalaman; bukan sahaja dilihat menepati kehendak masyarakat sekarang bahkan ia boleh dijadikan panduan kepada para pendakwah moden dalam berhadapan dengan mad'u mereka.

Apa yang lebih menarik, ia disusun dalam bentuk domain-domain yang boleh dijadikan indikator dan garis panduan mewujudkan satu suasana berkeluarga yang menghayati semangat berdisiplin yang tinggi dan secara holistik. Hal ini teramat penting dalam konteks semasa yang memerlukan satu bentuk kawalan yang holistik. Ia juga menepati matlamat asal pemilihan istilah al-qawanin (undang-undang) dalam tajuk kitab ini walaupun ia hanya menyentuh soal adab dan disiplin. Kata beliau, ia semata-mata untuk menggambarkan bahawa setiap disiplin tersebut jika gagal ditegakkan dalam tatacara kehidupan sesebuah keluarga akan menimbulkan kecacatan dan kepincangan terhadap keharmonian dan kecemerlangannya. Setiap perlakuan yang nyata melanggar ataupun menggugat adab dan disiplin tersebut wajar menerima pembalasan sama ada berbentuk kesengsaraan di dunia dan akhirat atau kesengsaraan di dunia sahaja atau kesengsaraan di akhirat sahaja.

PENGHARGAAN

Projek ini dibiayai di bawah Skim Geran Penyelidikan Nic (NRGS-KPM) UniSZA/NRGS/2013/RR057, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kuala Terengganu. Talian yang boleh dihubungi ialah 09-6627034. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Pendidikan Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Penjara Marang dan Universiti Sultan Zainal Abidin atas bantuan yang diberikan kepada projek ini.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Abbas al-Sisi. (2007). Bagaimana Menyentuh Hati. Solo: Era Adicitra Intermedia.

Al-Aqil, Abdullah. (2003). Mereka yang telah Pergi; Tokoh-tokoh Pembangun Pergerakan Islam Kontemporari. Jakarta: Al-I'tisham Cahaya Umat.

Muhammad Husayn al-Zahabi. 2010. Ahwal Shakhsiyah Bayna Ahl al-Sunnah wa al-Ja'fariyyah. Kaherah: Dar al-Hadith.

Muhammad Sa'id Hawwa, Mu'az Sa'id Hawwa (2010). Maqalat 'an Walidi Sa'id Hawwa. Laman sesawang <http://www.saidhawwa.com/Portals/Content/?info=YVdROU5qRTRKbk52ZFh KalpUMVRkV0pRWVdkbEpuUjVjR1U5TVNZPSt1.plx> diakses pada 1 Januari 2016.

al-Nahlawi, 'Abd al-Rahman. (1986). Usul al-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa Asalibuhu. Damsyik: Dar al-Fikr.

Nasih 'Ulwan, 'Abd Allah. (2008). Tarbiyyah al-Awlad fi al-Islam. Kaherah: Maktabah Dar al-Salim.

Sa'id Hawwa. (1987). Ijazah Takhassus al-Du'at. Kaherah: Maktabah Dar al-Salim.

Sa'id Hawwa. (1987). Qawanin al-Bayt al-Muslim. Kaherah: Maktabah Dar al-Salim.

Sa'id Hawwa. (1988). Kai Li Namdhī Ba'idan 'an Ihtiyajat al-'Ashr. Kaherah: Muasassah Khalij 'Arabi.

Sa'id Hawwa. (1988). Mustakhlas fi Tazkiah al-Anfus. Kaherah: Maktabah Dar al-Salim.

Sa'id Hawwa. (1999). al-Siddiqina wa al-Rabbaniyyin min Khilal al-Nusus wa Hikam Ibn 'Ata'illah al-Sakandari. Kaherah: Maktabah Dar al-Salam.

Sa'id Hawwa. (2003). al-Asas fi al-Tafsir. Kaherah: Maktabah Dar al-Salim.

Sa'id Hawwa. (2007). Tarbiyatuna al-Ruhiyah. Kaherah: Maktabah Dar al-Salim.

Sayyid Ahmad Faraj. 2000. Al-Usrah fi Daw' al-Kitab wa al-Sunnah. Dar al-Wafa' li al-Tabi'ah wa al-Nashr.

Septiwadi. (2014). Tafsir Sufistik Said Hawwa. Jakarta: Lectura Press.

Suwayd, Muhammad Nur bin 'Abd al-Hafiz. 1988. Manhaj al-Tarbiyyah al-Nabawiyyah li al-Tifl. Kaherah: Dar al-Tabi'ah wa al-Nashr al-Islamiyyah.

al-Sha'rawi, Muhammad Mutawalli. (t.th). Al-Bayt al-Muslim. Kaherah: Maktabah al-Tawfiqiyyah.

'Uqlah, Muhammad. 2010. Nizam al-Usrah fi al-Islam. Amman: Maktabah al-Risalah al-Hadithiyyah.

al-Za'balawi, Muhammad al-Sayyid Muhammad. 1985. Al-Ummah fi al-Qur'an al-Karim wa al-Sunnah al-Nabawiyyah. Beirut: Muassasah al-Risalah.

al-Zuhayli, Wahbah. (tth). Al-Usrah al-Muslimah fi al-‘Alam al-Mu‘asir. Damsyik: Dar al-Fikr.